



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS KEWANGAN ISLAM

Kementerian Kewangan Malaysia mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI), selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terus mempromosikan dan menggalakkan pembangunan kewangan Islam seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2019 yang lepas.

Penubuhan JKKI adalah bermatlamat untuk mengukuhkan hala tuju mempromosikan Malaysia sebagai peneraju global dalam kewangan Islam, terutamanya dalam pasaran sukuk serta mengukuhkan usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam kewangan Islam serta sebagai penyedia perkhidmatan sokongan kewangan Islam utama di peringkat global. Selain itu, JKKI juga akan menyelaraskan peranan dan tanggungjawab semua pihak berkepentingan ke arah meningkatkan industri kewangan Islam di Malaysia, selain memperkukuhkan peranan sektor awam sebagai pemacu industri kewangan Islam serta menggalakkan usaha untuk meningkatkan kesedaran awam dalam kewangan Islam.

JKKI ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah dan dianggotai oleh pengawal selia serta pakar kewangan Islam seperti berikut:

- YBhg. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar**
Pengerusi,
Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Presiden,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- YBhg. Dato' Adissadikin Ali**
Presiden,
Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia
(AIBIM)
Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif,
RHB Islamic Bank
- YBhg. Dato' Mohd Rafique Merican Mohd Wahiduddin Merican**
Pengerusi,
Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)
Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Islamic Berhad
- YBrs. Dr. Zaharuddin Abd. Rahman**
Ahli Jawatankuasa Syariah,
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

5. **YBrs. Dr. Hasnita Dato' Hashim**
Pengerusi Majlis Amanah Rakyat
6. **YBrs. Dr. Md Nurdin Ngadimon**
Timbalan Pengarah,
Pembangunan Pasaran Modal Islam,
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)
7. **Puan Madelena Mohamed**
Pengarah,
Jabatan Perbankan Islam dan Takaful,
Bank Negara Malaysia
8. **YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim**
Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
9. **Encik Muhammad Fikri Mohamad Rawi**
Presiden,
Malaysian Takaful Association
Ketua Pegawai Eksekutif
Sun Life Malaysia Takaful Berhad

Pelantikan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekretariat bagi Jawatankuasa Khas Kewangan Islam adalah Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan Malaysia.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
27 Ogos 2019